

# Minyak habis dalam 5 tahun Gas dan hidro giat dimajukan — Mahathir

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Kerajaan akan memberikan perhatian serius terhadap perkembangan penggunaan sumber tenaga alternatif dari gas dan elektrik hidro dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Usaha-usaha ke arah objektif ini sedang giat dilancarkan oleh Lembaga Letrik Negara (LLN) dan agensi lainnya termasuk PETRONAS.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini, minyak negara dijangka akan kering dalam tempoh lima tahun sekiranya kadar pengeluaran 300,000 tong sehari sekarang diteruskan.

Walaupun Malaysia mampu membeli minyak dari luar, keadaan akan rumit berikutan pertambahan permintaan bahan tersebut sedangkan pengeluarannya minyak dunia dijangka akan berkurangan.

Oleh itu, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, Kerajaan terpaksa mengalihkan perhatian terhadap pencarian sumber tenaga alternatif termasuk penggunaan gas, elektrik hidro,

bahan matahari dan angin.

Perhatian penuh, katanya, akan diberikan kepada penggunaan gas dan elektrik hidro. Penggunaan gas sebagai sumber tenaga yang pertama dijangka dilaksanakan di Paka, Trengganu beberapa tahun lagi, secepat-cepatnya tahun 1984.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian kepada para pemberita setelah mendengar taklimat mengenai kegiatan, masalah serta rancangan masa depan LLN di ibu pejabat Lembaga tersebut hari ini.

Mengenai elektrik hidro, Timbalan Perdana Menteri menegaskan 100 projek mini hidro kini mula dilaksanakan di Semenanjung Malaysia yang sekarang menerima 70 peratus dari bekalan elektriknya dari bahan bakar dan 30 peratus dari kuasa hidro.

Potensi elektrik hidro di Sarawak pula adalah besar — hampir 9,000 megawatt sekiranya potensi-potensi yang ada sekarang dibangunkan sepenuhnya.

Mengenai tenaga matahari, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, sumber tenaga dari bahan sedemikian belum lagi menunjukkan sebagai ekonomik.

Menjawab satu soalan mengenai penyelidikan ke atas penggunaan bahan matahari sebagai sumber tenaga, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membantu kegiatan penyelidikan yang menguntungkan.

Beliau juga berkata, Kerajaan sedang berikhtiar mendapatkan elektrik dari sekam padi.

Katanya, kajian ke arah tersebut sedang dijalankan dan penggunaan sekam padi sebagai sumber elektrik dijangka meringankan beban keseluruhan pengilang padi di negara ini.

Menurutnya, setiap kilang padi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sekarang membelanjakan hampir \$100,000 setahun untuk bayaran elektrik.

Kos perbelanjaan sedemikian tidak akan menjadi beban lagi sekiranya setiap kilang padi LPN berjaya mengeluarkan 400 hingga 500 kilowatt elektrik dari sekam padinya.

Penggunaan elektrik dari bahan tersebut tidak sahaja menyelamatkan belanja bagi LPN malah mengurangkan beban kepada LLN yang selama ini membekalkan elektrik kepadanya.

Bagaimanapun, Dr. Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menegaskan bilakah hasil kajian tersebut akan diumumkan serta bilakah projek elektrik dari sekam padi akan dimulakan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 11,311  
No. Penerimaan ..... 3/